

**Soalan No: 37**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN  
[TANJONG MANIS]

**TARIKH :** 28.3.2018 (RABU)

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam menangani peningkatan kes bunuh diri di kalangan pelajar dan remaja di Malaysia

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius isu bunuh diri dengan berusaha mendidik semua murid dengan nilai-nilai murni, dan budi pekerti serta akhlak yang mulia dalam semua mata pelajaran dan aktiviti luar bilik darjah di semua peringkat persekolahan.

Antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh KPM adalah seperti berikut:

- i. Mempromosikan secara berterusan Program Minda Sihat bagi meningkatkan daya gaya tindak murid dalam pengurusan emosi dan gaya hidup sihat;

- ii. Melaksanakan Saringan *Depression, Anxiety and Stress Scale* dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak bagi pengesanan awal isu berkaitan kesihatan mental murid; dan
- iii. Melaksanakan program intervensi dan pembangunan diri bagi meningkatkan ketahanan diri murid serta kemahiran gaya daya tindak (*coping skill*) apabila berhadapan sesuatu masalah.

RJM79